



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 5 DISEMBER 2025**

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	MAHA 2026 BAKAL METERAI MOU, MOA RM8B, NASIONAL, SINAR HARIAN, M/S – 23	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	BANJIR PAKSA PESAWAH BEREHAT SEMUSIM, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 28	LAIN – LAIN
3.	PERTANIAN PERLIS MUSNAH TERMASUK HARUMANIS, NEGARA, KOSMO, M/S – 14	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/12/2025	SINAR HARIAN	NASIONAL	23

28 Ogos - 6 September 2026
MAEPS Serdang

Mohamad (enam dari kiri) bergambar bersama rakan strategik pada Majlis Pra Pelancaran MAHA 2026 di MAEPS, Serdang pada Rabu.

Sasar kehadiran 4 juta pengunjung, penglibatan 800,000 belia

Oleh IZWAN ROZLIN

MAHA 2026 bakal meterai MoU, MoA RM8b

SERDANG - Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan (MAHA) 2026 menyasarkan kehadiran empat juta pengunjung dengan pementeraan MoU/MoA berjumlah RM8 bilion serta nilai jualan sebanyak RM58 juta.

Penganjuran dari 28 Ogos hingga 6 September itu turut menjangkakan penyertaan lebih 2,000 pempamer dan penglibatan 800,000 belia dalam pelbagai program yang disusun.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan

Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, MAHA 2026 akan menawarkan pengisian lebih segar dengan pelbagai tarikan interaktif dan pameran berimpak tinggi.

"Tahun ini kita tampilkan pengisian yang jauh lebih menyeluruh dan moden merangkumi teknologi, inovasi serta aktiviti yang dekat dengan masyarakat," katanya ketika berucap pada Pra Pelancaran MAHA 2026 di MAEPS Serdang pada Rabu.

Turut hadir, Ketua Setiausaha KPKM, Datuk Seri Isham Ishak.

Beliau berkata, antara tarikan utama ialah pameran bunga, pameran agrotek, fiesta makanan, pertandingan agro, persembahan laser dan air, sukan rakyat, rewang warisan, Rhythm of the Farmers (ROTF), sesi santai kopi, agropreneur muda, kiddies wonderland, agro safari dan taman burung.

"Kita mahu pengunjung merasai

Pelepasan konvoi Pra Pelancaran MAHA 2026 di MAEPS Serdang pada Rabu.

pengalaman baru dan lebih dekat dengan ekosistem pertanian negara," ujarnya.

Mohamad menjelaskan MAHA 2026 berperanan menghimpunkan petani, usahawan, pelabur dan penginovasi dalam satu platform besar bagi memacu transformasi industri pertanian.

"Inilah ruang untuk memadankan peluang perniagaan, teknologi dan inovasi secara langsung," katanya.

Pada majlis pra-pelancaran itu, KPKM turut memperkenalkan logo, maskot dan sasaran rasmi MAHA 2026 selain melancarkan pelepasan kenderaan Road to MAHA 2026 sebagai kempen jelajah ke seluruh negara.

Tambahnya lagi, pemilihan tema 'Penciptaan Nilai Demi Keterjaminan Makanan' menggambarkan kesungguhan kerajaan membina ekosistem agromakanan yang lebih berdaya tahan dan moden.

"Fokus kita ialah keterjaminan makanan yang mampan dan itu memerlukan pen-

ciptaan nilai baharu," katanya.

Beliau menegaskan penganjuran itu selaras Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) yang memberi penekanan kepada inovasi dan pendigitalan untuk memastikan bekalan makanan sentiasa stabil.

"DAN 2.0 bukan satu dokumen semata-mata, ia hala tuju transformasi sektor agromakanan negara," jelasnya.

Selain itu, agro pelancongan juga kekal menjadi komponen penting dalam penganjuran MAHA 2026 kerana ia merapatkan masyarakat dengan warisan desa dan hasil tempatan.

Mohamad berkata, MAHA 2026 akan membuka ruang kepada syarikat untuk mempamerkan teknologi pertanian terkini dan produk baharu kepada pasaran lebih luas.

"Kita mahu MAHA menjadi pusat rujukan kepada inovasi pertanian negara," ujarnya.

Mohamad melawat galeri pameran.

Mohamad melihat haiwan eksotik yang menjadi daya tarikan utama pada MAHA 2026.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/12/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	28



RAZALI Saad (kanan) bersama pesawah dan pegawai MADA meninjau tanaman padi yang terjejas banjir di Kampung Seri Gelam, Arau, Perlis, semalam. - UTUSAN/ASYRAF MUHAMMAD

Banjir paksa pesawah berehat semusim

Oleh ASYRAF MUHAMMAD
utusannews@mediamulla.com.my

+ ARAU: Pesawah di Kampung Seri Gelam, di sini terpaksa menanggung kerugian besar selepas tanaman padi diusahakan mereka musnah susulan banjir yang menenggelamkan keseluruhan tanaman mereka.

Ekoran itu, ada dalam kalangan pesawah terpaksa memilih tidak meneruskan tanaman dan berehat untuk musim ini susulan bencana tersebut.

Seorang petani, Shahidan Bahrom, 63, berkata, dia menanggung kerugian besar apabila tanaman padi yang diusahakan di tanah seluas kira-kira 24.174 hektar itu musnah ditenggelami banjir pada 24 November.

"Daripada keseluruhan keluasan tanaman tersebut, hanya sekitar 4.266 hektar yang

mungkin boleh diusahakan kembali, namun hasilnya itu masih belum dapat dipastikan lagi. Saya telah mengeluarkan modal lebih RM10,000 bagi mengusahakan padi musim ini dan kebanyakan tanaman musnah ekoran banjir tersebut," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* semalam.

Seorang lagi petani, Fauzi Abd Rahman, 50, berkata, banjir kali ini antara terburuk di kawasan itu sehingga mengakibatkan kerugian besar buat petani.

Dia juga turut berdepan nasib sama dengan kebanyakan pesawah memandangkan baharu sahaja menabur benih tiga hari sebelum kejadian banjir itu berlaku.

"Saya usahakan tanaman di kawasan seluas kira-kira 2.8 hektar dan mengalami banyak kerugian termasuk kos jentera

dan sebagainya," katanya.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian negeri, Razali Saad pula berkata, kerajaan negeri telah mengemukakan laporan kepada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan berhubung situasi pesawah terjejas di negeri ini.

Beliau turut membuat tinjauan berterusan di kawasan-kawasan luar Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) seperti Padang Siding, Titi Tinggi dan Bintong bagi meninjau situasi semasa.

"Alhamdulillah tiga kawasan ini menunjukkan kadar pemulihan padi agak baik dan pokok-pokok juga sudah mula menghijau kembali. Kita juga turun padang untuk melihat kemungkinan pokok-pokok padi yang terjejas ini dapat pulih semula untuk kita buat kajian fizikal," katanya.

Pertanian Perlis musnah termasuk harumanis

ARAU – Kerugian sektor pertanian di negeri ini dianggarkan RM42.6 juta melibatkan 9,393 petani susulan banjir besar yang melanda hampir seluruh Perlis pada 24 November lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Perlis, Razali Saad berkata, laporan awal menunjukkan bencana itu membabitkan kawasan yang terjejas seluas 14,892.18 hektar.

Katanya, bencana itu turut memberi kesan kepada pelbagai tanaman termasuk sayur-sayuran, tanaman ladang, industri asas tani, cendawan, agropelancongan serta tanaman padi.

"Berdasarkan laporan sama, sebanyak 78.03 hektar tanaman mangga harumanis terjejas melibatkan 59 petani.

"Setakat ini, anggaran kerugian awal tanaman harumanis bernilai RM1.17 juta sehingga kelmarin," katanya kepada pemberita selepas melawat kawasan bendang yang ditenggelami air di Kampung

“

Kawasan paling teruk terjejas ialah Padang Siding diikuti Bintong, namun pengesahan jumlah muktamad masih berjalan kerana sebahagian kawasan belum surut sepenuhnya."

Seri Gelam di sini semalam.

Menurutnya, kawasan paling teruk terjejas ialah Padang Siding diikuti Bintong, namun pengesahan jumlah muktamad masih berjalan kerana sebahagian kawasan belum surut sepenuhnya.

Katanya, banjir turut menenggelamkan lebih 8,000 hektar tanaman padi di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda seluas 8,159 hektar.



RAZALI (kanan) bersama pesawah meninjau kerosakan padi di Kampung Seri Gelam, Arau semalam.